

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester II
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

HIS 315 - Mu'amalat: Konsep Dan Perlaksanaan

Masa : 3jam

Sila pastikan kertas soalan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Para ulama hampir kesemuanya berpendapat wajibnya zakat perniagaan. Justeru itu, zakat perniagaan adalah kewajipan mereka yang terlibat dalam perniagaan dengan syarat-syarat tertentu.

[a] Apakah syarat-syarat wajib zakat perniagaan, serta nyatakan huraihan bagi setiap syarat tersebut.

[40 markah]

[b] Apakah perkara-perkara yang diambil kira dalam penentuan kadar zakat perniagaan, dan apa pula perkara-perkara yang tidak diambil kira?

[40 markah]

[c] Adakah hutang menghalang kewajipan zakat perniagaan dan bagaimanakah hutang boleh memberi kesan kepada pengurangan kadar zakat perniagaan.

[20 markah]

2. Sistem *al-mudarabah* المضاربة di dalam Islam membebaskan pengamalnya daripada penglibatan unsur-unsur yang dilarang syarak.
- [a] Huraikan rukun-rukun *al-mudarabah*. [30 markah]
- [b] Nyatakan syarat-syarat *al-mudarabah*? [40 markah]
- [c] Bezakan antara *al-mudarabah al-mutlaqah* dan *al-mudarabah al-muqayyadah*. [30 markah]
- 3 Sebelum seseorang muslim melaburkan wangnya dalam sesuatu syarikat perniagaan, hendaklah dia memastikan operasi syarikat itu menurut kehendak syariat.
- [a] Nyatakan prinsip-prinsip utama panduan membuat pelaburan serta huraikan secara ringkas. [50 markah]
- [b] A melabur dalam sebuah syarikat sebanyak RM10,000 dengan janji dividen yang akan diperolehinya sebanyak 10% setahun daripada RM10,000 tersebut. Maka genap tempohnya dia mendapat RM 1000 seperti yang dipersetujui. Apakah hukum pelaburan tersebut dan sebab anda berkata begitu? [25 markah]
- [c] Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti menganggap pelaburan dalam syarikat yang aktiviti utamanya tidak menyanggahi syarak, sementara unsur haram yang ada padanya amat sedikit adalah diharuskan. Huraikan secara ringkas kenyataan di atas. [25 markah]
4. *Al-Rahn* الرهن adalah satu sistem dalam muamalat Islam untuk membantu mereka yang memerlukan pinjaman.
- [a] Berikan maksud *al-Rahn*? [10 markah]
- [b] Nyatakan rukun-rukunnya? [20 markah]

- [c] Nyatakan pandangan kamu secara jelas samada pemberi gadaian (orang yang menggadaikan barangnya) dan penerima gadaian (orang yang memberi hutang) boleh menggunakan barang gadaian atau tidak?
[20 markah]
- [d] Mengapakah sistem gadaian konvensional dianggap menyanggahi syarak dan bagaimanakah pula sistem *al-Rahn* yang beroperasi secara Islam dalam negara kita mendapat keuntungan?
[50 markah]
5. Sistem insurans konvensional dianggap haram oleh kebanyakan para ulama pada zaman ini. Sebagai alternatifnya diwujudkan sistem takaful. Berdasarkan pernyataan tersebut;
- [a] Huraikan kenapa kebanyakan ulama memfatwakan haramnya sistem insurans konvensional?
[60 markah]
- [b] Sistem yang diguna pakai oleh syarikat-syarikat takaful dianggap halal, bincangkan?
[40 markah]
6. Muamalat adalah satu bahagian daripada syariat Islam.
- [a] Apakah yang dimaksudkan dengan muamalat?
[10 markah]
- [b] Berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, huraikan pandangan Islam terhadap harta.
[60 markah]
- [c] Mengapakah Islam memerangi unsur *gharar* dalam urusan muamalat?
[30 markah]